

LAMPIRAN 2
PENGKADARAN SEMULA CAJ INSURANS BAGI <UDR Plan>
Soalan-soalan Lazim (FAQ)

NO	SOALAN	JAWAPAN		
1.	Mengapakah pengkadaran semula caj insurans saya dilaksanakan?	<p>Pengkadaran semula ini perlu dilaksanakan untuk mengikuti peningkatan kos perubatan dan tuntutan perubatan yang semakin meningkat, terutama didorong oleh faktor-faktor berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Peningkatan kos ubat dan rawatan b) Penggunaan teknologi perubatan, ubat-ubatan, dan peralatan baru c) Gaya hidup yang berubah dengan peningkatan penyakit kronik seperti diabetes, kolesterol tinggi, dan obesiti yang membawa kepada peningkatan risiko kesihatan dan penjagaan jangka panjang. d) Permintaan yang lebih tinggi untuk penjagaan perubatan yang lebih baik. <p>Di Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, kami komited untuk memastikan bahawa anda bukan sahaja dilindungi tetapi juga mempunyai akses kepada perkhidmatan dan rawatan perubatan pada bila-bila masa anda memerlukannya.</p>		
2.	Bagaimanakah jumlah untuk pengkadaran semula caj insurans saya ditentukan?	<p>Bagi menentukan kadar pengkadaran semula, kami mengambil kira pelbagai faktor seperti kos sebenar penjagaan kesihatan, kadar inflasi penjagaan kesihatan semasa serta kemampuan pelanggan. Jumlah penambahan caj insurans anda bergantung kepada umur, pekerjaan, jantina, dan pelan khusus yang anda sertai.</p>		
3.	Mengapakah pengkadaran semula caj insurans saya dibuat walaupun saya tidak pernah membuat sebarang tuntutan?	<p>Insurans perubatan beroperasi atas dasar perkongsian risiko di mana caj insurans yang dikumpulkan digunakan untuk membayar tuntutan. Oleh sebab itu, semua polisi akan terkesan tidak kira sama ada anda pernah membuat sebarang tuntutan sebelum ini.</p>		
4.	Bilakah caj insurans saya akan berubah?	<p>Caj insurans baharu akan berkuatkuasa pada tarikh ulang tahun polisi anda yang seterusnya serta-merta pada atau selepas <tarikh perubahan harga>.</p>		
5.	Apakah perbezaan antara premium dan caj insurans?	<p>Premium Premium adalah jumlah yang anda bayar kepada Zurich untuk perlindungan insurans anda. Bagi polisi insurans berkaitan pelaburan, sebahagian atau semua premium yang dibayar akan digunakan untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan tertentu manakala amaun selebihnya digunakan untuk membiayai caj pendahuluan bagi perbelanjaan insurans dan kos pengedaran terus.</p> <p>Caj insurans Caj insurans akan ditolak secara bulanan daripada nilai dana polisi berkaitan pelaburan anda untuk membayar perlindungan insurans anda. Secara lazim, caj insurans meningkat seiring dengan peningkatan umur anda.</p>		
6.	Adakah saya perlu membayar jumlah premium yang berbeza selepas pengkadaran semula?	<p>Nilai dana daripada polisi berkaitan pelaburan anda mungkin tidak mencukupi untuk membayar caj insurans di masa hadapan. Maka, kami amat menggalakkan anda untuk menyemak premium anda dari semasa ke semasa untuk memastikan polisi anda mampu mampan sehingga tempoh matang.</p>		
7.	Apakah faktor-faktor yang boleh memberi kesan kepada nilai dana saya?	<p>Perkara berikut mungkin menyebabkan nilai dana anda tidak mencukupi untuk mengekalkan polisi anda:</p> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pemberhentian sementara pembayaran premium (rehat premium) ✓ Semakan semula kos insurans dan/atau caj lain ✓ Pengeluaran separa atau awal </td> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengalami pulangan pelaburan tidak menguntungkan ✓ Penambahan rider ✓ Peningkatan perlindungan insurans </td> </tr> </table>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pemberhentian sementara pembayaran premium (rehat premium) ✓ Semakan semula kos insurans dan/atau caj lain ✓ Pengeluaran separa atau awal 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengalami pulangan pelaburan tidak menguntungkan ✓ Penambahan rider ✓ Peningkatan perlindungan insurans
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pemberhentian sementara pembayaran premium (rehat premium) ✓ Semakan semula kos insurans dan/atau caj lain ✓ Pengeluaran separa atau awal 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengalami pulangan pelaburan tidak menguntungkan ✓ Penambahan rider ✓ Peningkatan perlindungan insurans 			

8.	Jika terdapat rider penepian yang disertakan dengan polisi, adakah jumlah diinsuranskan penepian untuk rider ini turut meningkat?	Premium biasa anda terdiri daripada premium biasa asas dan sebarang tambah nilai biasa. Jika rider penepian semasa mengetepikan penambahan nilai biasa, jumlah diinsuranskan rider penepian akan meningkat dengan sewajarnya dengan penambahan nilai tambah. Jika tidak, jumlah diinsuranskan rider penepian tidak akan dinaikkan.
9.	Jika polisi saya di bawah taraf pengecualian (pengecualian pembayaran premium), adakah saya perlu membayar peningkatan premium tunggal tersebut?	Caj insurans akan meningkat pada ulang tahun polisi, bagaimanapun, bagi polisi di bawah status pengecualian, premium yang diketepikan akan kekal sama. Oleh itu, ada kemungkinan nilai dana dalam polisi mungkin tidak mencukupi untuk membayar caj insurans pada tahun-tahun kemudian. Kami amat menggalakkan anda untuk membayar tambah nilai premium tunggal yang dicadangkan untuk menampung caj insurans yang lebih tinggi.
10.	Mengapakah terdapat 2 fasa pengkadaran semula dan bagaimanakah jumlah kuantum pengkadaran semula caj insurans saya ditentukan? [ValueCare sahaja]	Untuk memastikan anda dilindungi secukupnya, pelan perubatan sentiasa disemak mengikut kos penjagaan kesihatan semasa. Pembahagian pengkadaran semula kepada 2 fasa adalah untuk memastikan kemampuan anda dengan meminimumkan kesan dan membantu perancangan kewangan anda. Pelbagai faktor ekonomi seperti kenaikan caj hospital, yuran doktor, kemajuan dalam rawatan dan ubat-ubatan akan diambil kira untuk menentukan jumlah kuantum setiap pengkadaran semula. Pelanggan akan dimaklumkan tentang pengkadaran semula fasa ke-2 30 hari sebelum ulang tahun polisi seterusnya.
11.	Adakah ini bermakna saya perlu menilai semula kemampuan pelan berkaitan pelaburan saya dalam masa 1 tahun? [ValueCare sahaja]	Ya, cadangan premium yang ditunjukkan dalam surat itu hanya berdasarkan fasa pertama pengkadaran semula.
12.	Adakah pengkadaran semula baru akan dibuat pada masa hadapan?	Kami akan memantau secara berterusan pelan perubatan kami dan berbanding dengan kos penjagaan kesihatan secara berkala dan dengan sedaya upayanya, menguruskan kos penjagaan kesihatan secara aktif bersama dengan pihak hospital. Sekiranya terdapat pengkadaran semula baru yang diperlukan pada masa hadapan, kami akan memberi anda makluman sewajarnya.

Soalan Lazim untuk polisi berkekal sehingga tamat tempoh kontrak @ Tarikh Matang

13.	Bolehkah perlindungan polisi saya kekal sehingga tamat tempoh kontrak selepas harganya mengalami pengkadaran semula?	<p>Polisi anda dijangka untuk bertahan sehingga tamat tempoh kontrak berdasarkan nilai dana yang kami anggarkan.</p> <p>Sila maklum bahawa nilai polisi berkaitan pelaburan anda yang dianggarkan adalah berdasarkan maklumat yang tersedia setakat <Tarikh dikeluarkan> dengan andaian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Anda akan terus membayar premium semasa anda sehingga tarikh matang; ▪ Anda tidak akan membuat sebarang pengeluaran separa / awal di masa akan datang; ▪ Tiada perubahan dibuat terhadap polisi anda (cth. penambahan atau pengurangan rider dan / atau perubahan terhadap jumlah diinsuranskan); ▪ Tiada perubahan kepada pilihan dana anda. Peruntukan premium dalam pengiraan adalah berdasarkan pilihan dana semasa; ▪ Kadar dana anggaran terbaik berdasarkan pemilihan dana digunakan. Ia juga tidak menggambarkan ketidakstabilan potensial dalam jangka pendek yang boleh menyebabkan pergerakan mendadak, ke atas atau ke bawah, bagi aset-asas yang mendasari dana-dana tersebut;
-----	---	--

		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembayaran premium bukanlah jaminan kestabilan memandangkan nilai Dana Unit mungkin akan jatuh lebih rendah daripada jumlah premium dibayar bergantung kepada prestasi aset mendasari; ▪ Unjuran ini adalah berdasarkan anggaran kami terhadap hasil masa akan datang yang mungkin berbeza dari tahun ke tahun, bergantung pada keadaan sebenar dan prospek ekonomi. Keadaan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran kami (contoh: disebabkan prestasi pelaburan sebenar yang lebih baik atau lebih teruk), dan nilai dana anda mungkin susut kepada sifar lebih awal atau lewat daripada anggaran kami.
14.	<p>Adakah saya mempunyai pilihan lain untuk mengekalkan polisi saya sehingga tamat tempoh kontrak?</p>	<p>Ya, anda mempunyai pilihan berikut untuk mengekalkan polisi anda sehingga tamat tempoh kontrak:</p> <p>a) Anda boleh memilih untuk menurun taraf kepada pelan perubatan dengan perlindungan lebih rendah, selagi pelan perubatan anda bukan tahap pelan yang terendah, dengan melengkapkan dan menghantar 'Borang Permohonan untuk Penukaran' ke cawangan Zurich yang terdekat. Walau bagaimanapun, anda perlu menilai jika pelan perubatan yang lebih rendah berupaya untuk memenuhi keperluan insurans perubatan anda dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menghubungi Perancang Kewangan anda; atau ii. Menghubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 atau emel kami di callcentre@zurich.com.my; atau iii. Mengunjungi cawangan Zurich yang terdekat <p>b) Anda boleh menukar kepada rider perubatan lain yang ditawarkan oleh Zurich Life Insurance Malaysia Berhad yang dapat memberi perlindungan perubatan komprehensif yang sama atau lebih tinggi. Namun, proses pengunderaitan standard akan dikenakan serta tertakluk kepada terma dan syarat.</p> <p>c) Untuk meningkatkan nilai akaun daripada polisi anda, anda boleh memilih untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan perlindungan anda (mengurangkan jumlah diinsuranskan dan/atau mengeluarkan rider) <p>Walaupun bagaimanapun, adalah amat penting untuk anda memahami perubahan yang ingin anda buat kepada polisi insurans anda mungkin akan mempengaruhi jumlah perlindungan anda.</p> <p>Untuk maklumat lanjut mengenai produk yang tersedia, sila lawati laman web kami di www.zurich.com.my atau hubungi Perancang Kewangan anda untuk maklumat lanjut dan bantuan. Selain itu, anda juga boleh menghubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 atau email kami di callcentre@zurich.com.my jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.</p>

Soalan Lazim untuk polisi tidak berkekal sehingga tamat tempoh kontrak @ Tarikh Matang		
15.	<p>Pada masa ini, polisi saya tidak berkekal sehingga tamat tempoh kontrak. Jika saya memilih untuk meningkatkan Tambah Nilai Premium Biasa & Tambah Nilai Premium Tunggal (jika berkenaan) seperti yang dicadangkan, adakah perlindungan polisi saya mampu kekal sehingga tamat</p>	<p>Polisi anda dijangkakan kekal sehingga tamat tempoh kontrak berdasarkan nilai dana yang dianggarkan oleh kami.</p> <p>Sila maklum bahawa nilai dana yang dianggarkan bagi polisi berkaitan pelaburan anda adalah berdasarkan maklumat yang tersedia setakat <Tarikh dikeluarkan> dengan andaian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Anda akan terus membayar premium semasa anda sehingga tarikh matang; ▪ Anda tidak akan membuat sebarang pengeluaran separa / awal di masa akan datang; ▪ Tiada perubahan dibuat terhadap polisi anda (cth. penambahan atau pengurangan rider dan / atau perubahan terhadap jumlah diinsuranskan); ▪ Tiada perubahan kepada pilihan dana anda. Peruntukan premium dalam pengiraan adalah berdasarkan pilihan dana semasa;

	<p>tempoh kontrak selepas harganya mengalami pengkadaran semula?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kadar dana anggaran terbaik berdasarkan pemilihan dana digunakan. Ia juga tidak menggambarkan ketidakstabilan potensial dalam jangka pendek yang boleh menyebabkan pergerakan mendadak, ke atas atau ke bawah, bagi aset-aset yang mendasari dana-dana tersebut; ▪ Pembayaran premium bukanlah jaminan kestabilan memandangkan nilai Dana Unit mungkin akan jatuh lebih rendah daripada jumlah premium dibayar bergantung kepada prestasi aset mendasari; ▪ Ujian kelestarian ini dijalankan setiap tahun. Unjuran ini adalah berdasarkan anggaran kami terhadap hasil masa akan datang yang mungkin berbeza dari tahun ke tahun, bergantung pada keadaan sebenar dan prospek ekonomi. Keadaan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran kami (contoh: disebabkan prestasi pelaburan sebenar yang lebih baik atau lebih teruk), dan nilai dana anda mungkin susut kepada sifar lebih awal atau lewat daripada anggaran kami.
<p>16.</p>	<p>Apakah pilihan lain untuk saya selain membayar premium yang mengalami pengkadaran semula?</p>	<p>Anda mempunyai pilihan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Anda boleh memilih untuk mengekalkan perlindungan sedia ada tanpa meningkatkan premium insurans semasa anda. Walau bagaimanapun, nilai dana polisi anda mungkin tidak mencukupi untuk menampung caj insurans yang lebih tinggi pada tahun-tahun kemudian dan ini boleh menyebabkan polisi anda luput. Oleh itu, kami amat menggalakkan anda untuk meningkatkan premium semasa seperti yang dicadangkan dalam surat kami; <i>atau</i> b) Jika anda bimbang tentang kemampuan kewangan, anda boleh memilih untuk menurun taraf kepada pelan perubatan dengan perlindungan lebih rendah, selagi pelan perubatan anda bukan tahap pelan yang terendah, dengan melengkapkan dan menghantar 'Borang Permohonan untuk Penukaran' ke cawangan Zurich yang terdekat. Walau bagaimanapun, anda perlu menilai jika pelan perubatan yang lebih rendah berupaya untuk memenuhi keperluan insurans perubatan anda dengan: <ol style="list-style-type: none"> i. Menghubungi Perancang Kewangan anda; atau ii. Menghubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 atau emel kami di callcentre@zurich.com.my; atau iii. Mengunjungi cawangan Zurich yang terdekat c) Anda boleh menukar kepada rider perubatan lain yang ditawarkan oleh Zurich Life Insurance Malaysia Berhad yang dapat memberi perlindungan perubatan komprehensif yang sama atau lebih tinggi. Namun, proses pengunderaitan standard akan dikenakan serta tertakluk kepada terma dan syarat. d) Untuk meningkatkan nilai akaun daripada polisi anda, anda boleh memilih untuk: <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan perlindungan anda (mengurangkan jumlah diinsuranskan dan/atau mengeluarkan rider) <p>Adalah penting untuk anda memahami perubahan yang ingin anda buat kepada polisi insurans anda mungkin akan mempengaruhi jumlah perlindungan anda.</p> <p>Untuk maklumat lanjut mengenai produk yang tersedia, sila lawati laman web kami di www.zurich.com.my atau hubungi Perancang Kewangan anda untuk maklumat lanjut dan bantuan. Selain itu, anda juga boleh menghubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 atau email kami di callcentre@zurich.com.my jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.</p>

17.	<p>Bolehkan saya memilih untuk meningkatkan jumlah premium kepada jumlah selain yang dicadangkan?</p>	<p>Boleh. Walau bagaimanapun, kami amat menggalakkan anda untuk membayar premium berkala baru yang dicadangkan dan melaksanakan tambah nilai premium tunggal (jika berkenaan) supaya polisi anda mempunyai nilai dana yang mencukupi untuk menampung caj insurans yang lebih tinggi.</p> <p>Anda boleh melengkapi 'Borang Pemohonan untuk Penukaran' (RCF) dan</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Serahkan kepada cawangan Zurich yang terdekat; atau ii) Hubungi Perancang Kewangan anda; atau iii) Hubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 atau e-mel kami melalui callcentre@zurich.com.my 										
18.	<p>Bagaimana saya boleh membayar premium berkala baru dan tambah nilai premium tunggal yang dicadangkan? Apakah prosedurnya?</p> <p>Anda boleh membayar premium baru dengan melengkapi 'Slip Maklum Balas' yang disertakan dan mengembalikannya kepada kami. Borang yang lengkap mesti dihantar kepada kami selewat-lewatnya pada <Tarikh Ulangtahun Polisi + 30 hari>. Jika tidak, anda mungkin perlu merujuk kepada perancang kewangan anda untuk mendapatkan jumlah premium baru dan tambah nilai premium tunggal yang dicadangkan (jika berkenaan).</p> <p>Jumlah premium baharu akan berkuatkuasa daripada <u>tarikh akhir premium polisi berikutnya</u>.</p> <p>Bergantung kepada kaedah pembayaran premium semasa anda, anda perlu berurusan dengan bank anda supaya kami boleh mengutip bayaran jumlah premium baharu. Sila rujuk kepada jadual di bawah untuk keterangan selanjutnya.</p> <table border="1" data-bbox="240 949 1466 1727"> <thead> <tr> <th data-bbox="240 949 523 1010">Kaedah pembayaran semasa</th> <th data-bbox="523 949 1466 1010">Apakah tindakan yang perlu saya ambil?</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="240 1010 523 1238">Tunai/Cek</td> <td data-bbox="523 1010 1466 1238"> <p>Tiada sebarang perubahan kepada kaedah pembayaran semasa anda.</p> <p>Untuk kemudahan anda, kami menjemput anda untuk bertukar kepada kad kredit/debit. Sila muat turun Borang Auto Debit Visa/MasterCard di https://bit.ly/ZurichAutoDebit</p> <p>Sila serahkan Borang Auto Debit Visa/MasterCard yang lengkap kepada kami.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="240 1238 523 1335">Kad Kredit atau Debit, Auto-Debit (Tanpa had jumlah transaksi)</td> <td data-bbox="523 1238 1466 1335">Tiada sebarang perubahan kepada kaedah pembayaran semasa.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="240 1335 523 1664">e-Mandat Auto-Debit (Dengan had jumlah transaksi)</td> <td data-bbox="523 1335 1466 1664"> <p>Sila lengkapkan Pendaftaran Debit Langsung di pautan ini: https://mya.zurich.com.my/AdhocPayment/Page/DirectDebitRegistration.aspx. Ini membolehkan kami mendebit jumlah premium baru yang dicadangkan dari akaun bank anda.</p> <p>Bagi pendaftar sedia ada, jika had maksimum dalam borang auto debit akaun bank anda kurang daripada premium baru yang dicadangkan, anda boleh menukar had maksimum dengan</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) log masuk ke portal pelanggan kami di https://myzurichlife.com.my atau 2) hantarkan borang baru kepada pihak bank untuk menukar had maksimum. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="240 1664 523 1727">Arahan Tetap dengan bank</td> <td data-bbox="523 1664 1466 1727">Sila berurusan dengan bank anda untuk mengemaskini Arahan Tetap sedia ada supaya jumlah premium baru yang dicadangkan dapat dihantar kepada kami.</td> </tr> </tbody> </table>		Kaedah pembayaran semasa	Apakah tindakan yang perlu saya ambil?	Tunai/Cek	<p>Tiada sebarang perubahan kepada kaedah pembayaran semasa anda.</p> <p>Untuk kemudahan anda, kami menjemput anda untuk bertukar kepada kad kredit/debit. Sila muat turun Borang Auto Debit Visa/MasterCard di https://bit.ly/ZurichAutoDebit</p> <p>Sila serahkan Borang Auto Debit Visa/MasterCard yang lengkap kepada kami.</p>	Kad Kredit atau Debit, Auto-Debit (Tanpa had jumlah transaksi)	Tiada sebarang perubahan kepada kaedah pembayaran semasa.	e-Mandat Auto-Debit (Dengan had jumlah transaksi)	<p>Sila lengkapkan Pendaftaran Debit Langsung di pautan ini: https://mya.zurich.com.my/AdhocPayment/Page/DirectDebitRegistration.aspx. Ini membolehkan kami mendebit jumlah premium baru yang dicadangkan dari akaun bank anda.</p> <p>Bagi pendaftar sedia ada, jika had maksimum dalam borang auto debit akaun bank anda kurang daripada premium baru yang dicadangkan, anda boleh menukar had maksimum dengan</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) log masuk ke portal pelanggan kami di https://myzurichlife.com.my atau 2) hantarkan borang baru kepada pihak bank untuk menukar had maksimum. 	Arahan Tetap dengan bank	Sila berurusan dengan bank anda untuk mengemaskini Arahan Tetap sedia ada supaya jumlah premium baru yang dicadangkan dapat dihantar kepada kami.
Kaedah pembayaran semasa	Apakah tindakan yang perlu saya ambil?											
Tunai/Cek	<p>Tiada sebarang perubahan kepada kaedah pembayaran semasa anda.</p> <p>Untuk kemudahan anda, kami menjemput anda untuk bertukar kepada kad kredit/debit. Sila muat turun Borang Auto Debit Visa/MasterCard di https://bit.ly/ZurichAutoDebit</p> <p>Sila serahkan Borang Auto Debit Visa/MasterCard yang lengkap kepada kami.</p>											
Kad Kredit atau Debit, Auto-Debit (Tanpa had jumlah transaksi)	Tiada sebarang perubahan kepada kaedah pembayaran semasa.											
e-Mandat Auto-Debit (Dengan had jumlah transaksi)	<p>Sila lengkapkan Pendaftaran Debit Langsung di pautan ini: https://mya.zurich.com.my/AdhocPayment/Page/DirectDebitRegistration.aspx. Ini membolehkan kami mendebit jumlah premium baru yang dicadangkan dari akaun bank anda.</p> <p>Bagi pendaftar sedia ada, jika had maksimum dalam borang auto debit akaun bank anda kurang daripada premium baru yang dicadangkan, anda boleh menukar had maksimum dengan</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) log masuk ke portal pelanggan kami di https://myzurichlife.com.my atau 2) hantarkan borang baru kepada pihak bank untuk menukar had maksimum. 											
Arahan Tetap dengan bank	Sila berurusan dengan bank anda untuk mengemaskini Arahan Tetap sedia ada supaya jumlah premium baru yang dicadangkan dapat dihantar kepada kami.											
19.	<p>Bagaimana jika saya mengemukakan Slip Maklum Balas selepas tarikh yang dinyatakan?</p>	<p>Premium yang dicadangkan mungkin akan mengalami pengkadaran semula. Polisi anda mungkin akan luput disebabkan nilai akaun yang tidak mencukupi. Sila hubungi Perancang Kewangan anda untuk mendapat maklumat tentang pengkadaran semula premium.</p>										